

**ANALISIS PELAPORAN AKHBAR THE GUARDIAN DAN THE TELEGRAPH DALAM TALIAN TERHADAP ISU PENYALAHGUNAAN BAHAN TERLARANG (DOPING) DALAM KALANGAN ATLET**  
**ANALYSIS OF THE GUARDIAN AND THE TELEGRAPH'S ONLINE NEWSPAPER REPORTING ON ILLICIT SUBSTANCE ABUSE (DOPING) ISSUE AMONG ATHLETES**

Muhammad Azri Syazwan Abd Hamid<sup>1</sup> & Mohamad Saifudin Mohamad Saleh,  
Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia  
asyazwan14@gmail.com, saifudinsaleh@usm.my

Tarikh dihantar: 28 Disember 2019 / Tarikh diterima: 11 Februari 2020

**Abstrak:** Penggunaan bahan terlarang ataupun *doping* seperti steroid adalah tidak asing lagi dalam kalangan atlet sama ada atlet kategori amatur, semi profesional, mahupun atlet profesional. Isu *doping* sememangnya telah hangat diperkatakan sejak dahulu lagi kerana isu ini merupakan polemik yang tiada jalan penyelesaiannya. Antara acara sukan yang sering dikaitkan dengan isu *doping* termasuklah sukan olahraga, angkat berat, badminton, dan renang. Hampir saban tahun, media melaporkan isu *doping* ini khususnya dengan memberikan tumpuan terhadap kesalahan dan kesan *doping* ini terhadap atlet dan kerjayanya. Sungguhpun begitu, kajian lepas terhadap isu *doping* dalam media amatlah terhad. Bagi mengisi kelomongan kajian-kajian lepas, kajian ini telah dijalankan dengan menganalisis kandungan pelaporan isu *doping* dari tahun 2016 hingga 2019 dalam dua akhbar antarabangsa dalam talian terpilih iaitu *The Guardian* dan *The Telegraph* untuk mengkaji tajuk, tema, dan nilai berita dalam pelaporan isu *doping* dalam kalangan atlet. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua akhbar dalam talian tersebut telah memberikan pelaporan yang tinggi terhadap isu *doping* dan kebanyakannya ditulis dengan menggunakan tajuk berbentuk hukuman dan memaparkan nilai berita yang bersifat negatif. Dapatkan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada korpus ilmu bidang Komunikasi Sukan yang menjadi rujukan penting bagi penyelidik-penyalidik akan datang dalam bidang ini.

**Kata kunci:** *Doping*, Analisis Kandungan, Akhbar Dalam Talian, *The Guardian*, *The Telegraph*

*Abstarct: The use of illicit substances or doping such as steroids is not uncommon among athletes whether amateur athletes, semi -professional athletes, or professional athletes. The issue of doping has been hotly debated since before because this issue is a polemic that has no solution. Among the sporting events that are often associated with doping issues include athletics, weightlifting, badminton, and swimming. Almost every year, the media reports on the issue of doping, focusing on the offenses and effects of doping on athletes and their careers. Even so, past research on doping issues in the media has been extremely limited. To fill the gap of past studies, this study was conducted by analysing the content of doping issues from 2016 to 2019 in two selected international online newspapers namely *The Guardian* and *The Telegraph* to examine the headlines, themes, and news value in reporting doping issues among athletes. The results of the study found that both online newspapers had given high reporting on doping issues and most of them were written using punitive headlines and displaying negative news values. The findings of this study hope to contribute to the corpus of knowledge in the field of Sports Communication which is an important reference for future researchers in this field.*

**Keywords:** *Doping*, Content Analysis, Online Newspaper, *The Guardian*, *The Telegraph*

---

<sup>1</sup> Pelajar prasiswazah

## PENGENALAN

Isu penyalahgunaan bahan terlarang atau *doping* bukanlah perkara baharu dalam arena sukan lokal mahupun antarabangsa. Setiap kali kejohanan sukan terutamanya yang melibatkan acara yang besar seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, dan Sukan Asia, pasti akan kedengaran tentang isu *doping* dalam kalangan atlet. Malah, atlet terkemuka dunia seperti Ian Thorpe, Usain Bolt, dan Ryan Lochte juga pernah terpalit dengan isu *doping* sehingga menjelaskan kerjaya mereka. Ianya seakan satu tekanan untuk para atlet meraih kecemerlangan dalam arena sukan khususnya antarabangsa (Alexander et al., 2019), justeru tidak hairanlah ada dalam kalangan mereka yang menggunakan bahan terlarang bagi meningkatkan prestasi.

Secara umumnya, penggunaan bahan terlarang sememangnya tidak boleh digunakan dalam kalangan atlet. *Doping* bermaksud bahan atau kaedah penggunaannya yang diharamkan bagi seorang atlet meningkatkan prestasi mereka (*Harian Metro*, 2014). Hakikatnya, pada peringkat antarabangsa, isu *doping* merupakan isu yang kritikal dalam fisiologi sukan (Tayade et al., 2013). Isu penyalahgunaan bahan juga dikaitkan dengan doktor atau pengamal perubatan selain daripada jurulatih seseorang atlet. Doktor seharusnya berupaya untuk menasihati atlet mengambil ubat untuk tujuan perubatan tetapi juga untuk mengambil bahagian dalam sukan yang kompetitif (Colmain, 2010).

Baharu ini, Rusia misalnya telah diharamkan daripada menyertai mana-mana kejohanan sukan antarabangsa selama empat tahun kerana negara tersebut telah dikenakan hukuman oleh Agensi Anti-Doping Dunia (WADA) akibat isu *doping* yang melanda negara tersebut. Perkara ini akan mendatangkan kesan kepada atlet terutamanya untuk beberapa kejohanan utama yang akan berlangsung seperti Sukan Olimpik 2020 di Tokyo dan Kejohanan Bola Sepak Eropah pada tahun 2020.

Hampir saban tahun isu *doping* ini dilaporkan oleh media. Pelaporan media mengenai isu ini merangkumi beberapa aspek teknikal seperti tema yang dipaparkan, nilai serta tajuk berita yang digunakan. Sesetengah media dilihat bersikap bias terhadap pelaporan yang dilakukan terhadap sesuatu atlet kerana mereka mempunyai perspektif mereka yang berbeza mengenai sesuatu isu seperti *doping*. Realiti sebenar telah hilang tentang pelaporan *doping* dalam media (Pappa, 2013). Kesannya, atlet yang terpalit dengan isu *doping* ini akan menerima kecaman dari masyarakat sehingga kerjaya dan peribadi mereka turut tercalar.

## SOROTAN LITERATUR

Pada umumnya, hasil kajian lalu seperti Spalletta & Ugolini (2014) mendapati bahawa liputan isu *doping* dalam media adalah sangat penting kerana beberapa skandal *doping* berkaitan atlet profesional telah melanda dunia sukan khususnya sukan berbasikal sejak dua puluh tahun terakhir. Misalnya, isu berkaitan atlet Festina dan Pantani, Operación Puerto, Armstrong, dan sebagainya. Dalam kewartawanan sukan Itali misalnya, pelaporan media berkaitan *doping* telah menjadi salah satu tema utama dalam berita berbasikal kerana atlet Marco Pantani yang merupakan pelumba paling penting Itali dalam tempoh dua puluh tahun yang lalu menghadapi tuduhan *doping*, yang mana memuncak ketika dia menerima hukuman dibatalkan penyertaan dari Giro d'Italia pada tahun 1999 (Papuzzi, 2010).

Menurut Taiwo (2007) tajuk akhbar bertindak sebagai petunjuk utama untuk laporan berita. Perkara sedemikian termasuk dalam kategori pengedaran dadah, penyalahgunaan dadah dan dadah palsu. Tambah Taiwo, antara contoh-contoh tajuk berita termasuklah berkaitan dengan dadah palsu, penyalahgunaan dadah dan pengedaran dadah. Jones, Hall, & Cowlin (2008) dalam kajian mereka pula mendapati bahawa media telah membingkai berita berkaitan isu dadah dalam konteks politik iaitu dengan mengenangkan ketakutan masyarakat mengenai dadah untuk meraih undi bagi tujuan politik. Hasil kajian Jones, Hall, & Cowlin juga mendapati

bahawa artikel dalam akhbar yang dikaji lebih memberikan tumpuan kepada kenyataan emosi yang sangat banyak seperti pengguna dadah akan mlarikan diri dari menerima hukuman.

Selain itu, kajian Pappa (2013) pula mendapati bahawa pemaparan media tentang isu *doping* dan atlet lebih menjurus kepada elemen sensasi dan negatif. Hasil kajian mereka mendapati bahawa tajuk-tajuk dalam media antarabangsa menggambarkan atlet yang terbabit sebagai individu dalam nada negatif, dengan memberikan label sebagai hipokrit dan patut berasa malu akibat perbuatan sendiri. Dalam kajian yang dilakukan oleh Pappa juga, beliau mendapati bahawa pelaporan tentang atlet yang dilucutkan pingat emas mereka telah diletakkan sebagai tajuk utama dalam akhbar dengan menggunakan huruf besar untuk mengklasifikasikan berita tersebut sebagai berita yang penting dan sensasi.

Tema pula merupakan salah satu elemen yang penting dalam kajian akhbar. Dapatan kajian oleh Tiger (2013) mendapati bahawa liputan penggunaan dadah terhadap atlet Lance Armstrong lebih cenderung kepada liputan tentang tema rawatan beliau yang lebih kompleks manakala liputan penggunaan dadah terhadap penyanyi, Whitney Houston cenderung untuk membangkitkan naratif penagih yang telah memberi kesan sehingga merosakkan kerjaya beliau. Hasil kajian oleh Orsini (2015a) pula mendapati media memberikan tumpuan kepada tema bahaya dan kebimbangan seperti kematian, overdos, ketagihan, kesihatan mental dan ketagihan.

Di samping itu, nilai-nilai berita adalah penting dalam pelaporan berita termasuklah berita sukan. Menurut Gibbs & Warhover (2002), lima nilai berita yang utama ialah berita tersebut bersifat setempat, berita yang semasa, berita melibatkan orang yang berpengaruh dalam masyarakat, berita yang berkaitan manusia dan berita yang luar biasa. Lee & Choi (2009) menyatakan bahawa dalam perspektif pelaporan media tentang sukan, nilai berita dalam setiap perlawanan sukan menentukan jumlah pelaporan yang diterima. Tambah mereka, perlawanan antara Perancis dan Senegal misalnya mungkin mempunyai nilai berita yang lebih tinggi ekoran keputusan perlawanan yang tidak dijangka oleh kebanyakan orang. Quo (2012) yang membuat perbandingan antara nilai berita dalam pelaporan berita di China dan Amerika Syarikat mendapati terdapat persamaan dalam nilai berita yang digunakan termasuklah kekinian, minat pembaca, signifikan dan kedekatan.

## TEORI PENENTUAN AGENDA

Teori penentuan agenda yang dipelopori oleh McCombs dan Shaw (1968) pada asasnya menyatakan bahawa media menentukan apa yang sepatutnya khalayak fikirkan melalui pelaporan mereka (Norhuda & Dzuriza, 2015). Penonjolan mesej dalam media dengan kerap boleh mempengaruhi dan membentuk fikiran khalayak yang akan menganggap sesuatu isu tersebut adalah penting (Mohd Sobhi et al., 2018). Pelaporan akhbar tentang sukan bukanlah sesuatu yang asing kerana hampir setiap akhbar mempunyai meja khas sukannya tersendiri dan penentuan agenda sememangnya berlaku dalam pelaporan sukan (Wanta, 2012). Justeru, dalam konteks kajian ini, pelaporan akhbar antarabangsa tentang isu *doping* dilihat telah ditentukan oleh media menerusi pemaparan dalam tajuk, tema dan nilai berita yang digunakan dan berupaya mempengaruhi fikiran pembaca antarabangsa. Penentuan agenda ini memberi kesan kepada pembaca dan kewartawanan sukan secara keseluruhannya.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti tajuk yang digunakan dalam pelaporan akhbar dalam talian *The Guardian* dan *The Telegraph* tentang isu *doping*.
2. Mengkaji jenis tema yang digunakan dalam pelaporan akhbar dalam talian *The Guardian* dan *The Telegraph* tentang isu *doping*.

3. Menilai nilai berita yang digunakan dalam pelaporan akhbar dalam talian *The Guardian* dan *The Telegraph* tentang isu *doping*.

### HIPOTESIS KAJIAN

Secara umumnya, terdapat tiga hipotesis yang diuji, seperti berikut:

- H1: Terdapat perhubungan antara tajuk berita tentang pelaporan isu *doping* dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.
- H2: Terdapat perhubungan antara tema tentang pelaporan isu *doping* dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.
- H3: Terdapat perhubungan antara nilai berita tentang pelaporan isu *doping* dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.

### METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan secara kuantitatif. Analisis kandungan merujuk kepada prosedur yang sistematik dan analisis yang boleh direka bentuk melalui teks. Pada dasarnya ia melibatkan pengelasan bahagian-bahagian teks melalui penerapan skim pengekodan berstruktur dan sistematik yang mana kesimpulannya dapat diambil daripada kandungan mesej (Rose, Spinks & Canhoto, 2015) dan makna teks (Gheyle & Jacobs, 2017). Satu borang koding disediakan untuk pengekodan dan item-item dalam borang koding tersebut dibina dengan merujuk kajian-kajian lepas. Bagi item tajuk berita, jenis-jenisnya dibina dengan merujuk kepada kajian Pappa (2013) dan Jones, Hall & Cowlin, (2008). Bagi item tema pula, jenis-jenisnya dibina menerusi rujukan kajian terhadap kajian Spalletta & Ugolini (2014), Taylor (2008), Orsini (2017b) dan Pappa (2013). Manakala bagi item nilai berita, jenis-jenisnya dibina dengan merujuk kajian Guo (2012) dan Tan, Abdollahi-Guilani, & Fatin Nazihah (2017).

Analisis kandungan digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji pelaporan akhbar terhadap isu *doping* dalam kalangan atlet dalam dua buah akhbar antarabangsa terpilih iaitu *The Guardian* dalam talian dan *The Telegraph* dalam talian. Kedua-dua akhbar dalam talian ini dipilih kerana jumlah bacaan secara digital yang tinggi dalam kalangan pembaca antarabangsa. Bagi *The Guardian* dalam talian, jumlah pembaca secara digital ialah sebanyak 4,874,000 setiap hari (Discover the effectiveness of news brand, 2019), manakala, untuk *The Telegraph* dalam talian pula, jumlah pembaca secara digital ialah sebanyak 1,979,000 setiap hari (Discover the effectiveness of news brand, 2019).

Dengan menggunakan persampelan bertujuan, kajian ini hanya akan mengambil dan menganalisis sampel berita berkaitan isu *doping* yang melanda para atlet di seluruh dunia dari tahun 2016 hingga 2019 di mana berlangsungnya Sukan Olimpik di Brazil dan Piala Dunia FIFA di Russia.

Bagi memperoleh sampel dari akhbar *The Guardian* dalam talian dan *The Telegraph* dalam talian, pengkaji melayari laman sesawang kedua-dua akhbar tersebut dan menaip kata kunci pada bahagian carian dalam kedua-dua akhbar dalam talian tersebut. Antara kata kunci pencarian yang digunakan adalah seperti '*doping*', '*athletes*', '*drug*', dan '*reporting*'. Pencarian melalui kata kunci ini akan memudahkan pengkaji untuk menemui artikel-artikel yang berkaitan dengan pelaporan *doping* dalam kalangan atlet. Semua data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Ujian Khi Kuasa Dua juga dilakukan bagi menguji ketiga-tiga hipotesis kajian.

### DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang selari dengan ketiga-tiga objektif kajian yang disasarkan iaitu mengkaji tajuk, tema dan nilai berita dalam pelaporan isu *doping*

dalam akhbar *The Guardian* dalam talian dan *The Telegraph* dalam talian. Seterusnya, dapatan ujian inferensi Khi Kuasa Dua juga dipersembahkan dalam bahagian ini.

#### RINGKASAN UJIAN DESKRIPTIF

Dalam tempoh 2016 hingga 2019, jumlah pelaporan berita mengenai isu *doping* dalam kalangan atlet bagi akhbar *The Guardian* dalam talian adalah sebanyak 54 pelaporan manakala *The Telegraph* dalam talian adalah sebanyak 20 pelaporan. Jumlah keseluruhan pelaporan isu *doping* sepanjang tempoh empat tahun ini adalah kurang banyak kerana pelaporan isu ini yang bersifat bermusim iaitu tertumpu semasa temasya sukan sahaja. Bagi genre artikel pula, sebanyak 71 pelaporan (95.9%) menggunakan genre berita sebagai medium untuk pelaporan tentang isu *doping* dalam kalangan atlet. Daripada aspek genre artikel, majoriti besar isu *doping* dilaporkan sebagai berita (*The Guardian* dalam talian sebanyak 54 pelaporan (73%) dan *The Telegraph* dalam talian sebanyak 17 pelaporan (23%)).

Bagi panjang artikel pula, majoriti dari isu *doping* dilaporkan dengan panjang antara 6-15 perenggan (sebanyak 58 pelaporan (78.4%) pelaporan dalam *The Guardian* dalam talian dan *The Telegraph* dalam talian dan sebanyak 44 pelaporan (59.5%) dalam *The Telegraph* dalam talian). Lokasi pelaporan isu doping pula tertumpu pada benua Eropah iaitu sebanyak 24 (32.4) dalam *The Guardian* dalam talian dan sebanyak 9 (12.2) dalam *The Telegraph* dalam talian. Hasil kajian yang diperolehi mendapati semua artikel tentang isu *doping* bagi kedua-dua akhbar dalam talian mempunyai gambar. Sebanyak 54 artikel (73%) daripadanya adalah pelaporan dari *The Guardian* dalam talian dan 20 artikel (27%) adalah pelaporan dari *The Telegraph* dalam talian. Bagi bilangan gambar pula, bilangan satu gambar mencatatkan jumlah pelaporan yang tertinggi dalam kedua-dua akhbar dalam talian iaitu *The Guardian* dalam talian mencatatkan sebanyak 52 pelaporan (70.3%) manakala *The Telegraph* dalam talian mencatatkan sebanyak lima pelaporan (6.8%) dengan satu gambar. Pelaporan isu *doping* didapati lebih banyak menggunakan jenis gambar yang pelbagai (*The Guardian* dalam talian mencatatkan sebanyak 19 pelaporan (25.7%) dan *The Telegraph* dalam talian sebanyak 19 pelaporan (25.7%)). Jadual 1 di bawah menunjukkan dengan lebih jelas paparan ringkasan ujian deskriptif.

**Jadual 1** Ringkasan Ujian Deskriptif

	<i>The Guardian</i> dalam talian (%)	<i>The Telegraph</i> dalam talian (%)	Jumlah (%)
<b>Organisasi</b>	54 (73)	20 (27)	74 (100)
<b>Genre</b>			
Berita	54 (73)	17 (23)	71 (95.9)
Rencana	0 (0)	1 (1.4)	1 (1.4)
Temubual	0 (0)	2 (2.7)	2 (2.7)
<b>Panjang</b>			
Kurang 5 perenggan	3 (4.1)	0 (0)	3 (4.1)
6-15 perenggan	44 (59.5)	14 (18.9)	58 (78.4)
16 perenggan ke atas	7 (9.5)	6 (8.1)	13 (17.6)
<b>Benua</b>			
Eropah	24 (32.4)	9 (12.2)	33 (44.6)
Asia	8 (10.8)	2 (2.7)	10 (13.5)
Amerika Selatan	4 (5.4)	1 (1.4)	5 (6.8)
Amerika Utara	9 (12.2)	6 (8.1)	15 (20.3)
Afrika	5 (6.8)	2 (2.7)	7 (9.5)
Oceania	4 (5.4)	0 (0)	4 (5.4)

**Gambar**

Ada	54 (73)	20 (27)	74 (100)
<b>Jenis gambar</b>			
Gambar orang	30 (40.5)	1 (1.4)	31 (41.9)
Gambar bangunan	2 (2.7)	0 (0)	2 (2.7)
Gambar objek	1 (1.4)	0 (1.4)	1 (1.4)
Gambar pelbagai	19 (25.7)	19 (25.7)	38 (51.4)
Ilustrasi	2 (2.7)	0 (0)	2 (2.7)
<b>Bilangan gambar</b>			
Satu	52 (70.3)	5 (6.8)	57 (77)
Dua	2 (2.7)	11 (14.9)	13 (17.6)
Lebih daripada dua	0 (0)	4 (5.4)	4 (5.4)

Sumber: Kajian lapangan

### TAJUK DALAM PELAPORAN ISU DOPING

Hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti daripada pelaporan artikel tentang isu *doping* dalam kalangan atlet menggunakan tajuk hukuman iaitu sebanyak 34 pelaporan (45.9%) dicatatkan. *The Guardian* dalam talian mencatatkan sebanyak 26 pelaporan (35.1%) iaitu yang paling tinggi berbanding *The Telegraph* dalam talian yang mencatatkan sebanyak 8 pelaporan (10.8%) yang menggunakan tajuk berbentuk hukuman. Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa penggunaan tajuk berbentuk politik dan penerangan pula adalah yang paling rendah untuk kedua-dua akhbar. *The Guardian* dalam talian tidak mempunyai sebarang pelaporan (0%) berbentuk politik tetapi satu pelaporan (1.4%) dicatatkan dalam *The Telegraph* dalam talian yang berbentuk politik. *The Guardian* dalam talian mempunyai sebanyak tiga pelaporan (4.1%) dalam bentuk penerangan manakala tiada pelaporan berita (0%) bagi tajuk berbentuk penerangan yang dicatatkan *The Telegraph* dalam talian.

**Jadual 2** Tajuk dalam Pelaporan Isu Doping

Jenis tajuk	<i>The Guardian</i> dalam talian (%)	<i>The Telegraph</i> dalam talian (%)	Jumlah (%)
<b>Kesihatan</b>	6 (8.1)	2 (2.7)	8 (10.8)
<b>Sensasi</b>	9 (12.2)	5 (6.8)	14 (18.9)
<b>Emosi</b>	4 (5.4)	2 (2.7)	6 (8.1)
<b>Politik</b>	0 (0)	1 (1.4)	1 (1.4)
<b>Tanggungjawab</b>	6 (8.1)	2 (2.7)	8 (10.8)
<b>Penerangan</b>	3 (4.1)	0 (0)	3 (4.1)
<b>Hukuman</b>	26 (35.1)	8 (10.8)	34 (45.9)

Sumber: Kajian lapangan

### Tema Dalam Pelaporan Isu Doping

Hasil kajian ini mendapati bahawa tema yang paling tinggi digunakan dalam isu *doping* ialah tema berbentuk hukuman iaitu sebanyak 35 pelaporan (47.3%). Daripada 35 pelaporan tersebut, *The Guardian* dalam talian mencatatkan pelaporan tertinggi iaitu sebanyak 28 pelaporan (37.8%) manakala *The Telegraph* dalam talian mencatatkan sebanyak tujuh pelaporan (9.5%). Di samping itu, hasil kajian juga mendapati bahawa tema berbentuk rawatan pemulihan, pendapat masyarakat, dan identiti kebangsaan adalah yang paling rendah untuk kedua-dua akhbar. Bagi tema berbentuk rawatan pemulihan, *The Guardian* dalam talian mempunyai sebanyak satu pelaporan (1.4%) namun tiada pelaporan (0%) dicatatkan untuk *The*

*Telegraph* dalam talian. Bagi tema pendapat masyarakat pula, tiada pelaporan (0%) untuk *The Guardian* dalam talian manakala terdapat satu pelaporan (1.4%) untuk *The Telegraph* dalam talian. Bagi tema identiti kebangsaan pula, terdapat satu pelaporan (1.4%) oleh *The Guardian* dalam talian manakala tiada pelaporan (0%) dicatatkan oleh *The Telegraph* dalam talian.

**Jadual 3** Ringkasan Tema Dalam Pelaporan Isu *Doping*

<b>Jenis tema</b>	<b><i>The Guardian</i> dalam talian (%)</b>	<b><i>The Telegraph</i> dalam talian (%)</b>	<b>Jumlah (%)</b>
<b>Jenayah</b>	2 (2.7)	3 (4.1)	5 (6.8)
<b>Hukuman</b>	28 (37.8)	7 (9.5)	35 (47.3)
<b>Penggunaan dadah</b>	14 (18.9)	3 (4.1)	17 (23.0)
<b>Rawatan</b>	1 (1.4)	0 (0)	1 (1.4)
<b>pemulihan</b>	0 (0)	1 (1.4)	1 (1.4)
<b>Pendapat</b>	5 (6.8)	1 (1.4)	6 (8.1)
<b>masyarakat</b>	1 (1.4)	0 (0)	1 (1.4)
<b>Penipuan</b>	3 (4.1)	5 (6.8)	8 (10.8)
<b>Identiti kebangsaan</b>			
<b>Skandal profesional</b>			

Sumber: Kajian lapangan

#### NILAI BERITA DALAM PELAPORAN ISU *DOPING*

Hasil kajian yang telah diperoleh juga mendapati bahawa nilai berita yang paling banyak digunakan dalam pelaporan isu *doping* adalah nilai berita negativiti iaitu sebanyak 34 pelaporan (45.9%) dicatatkan. Selain itu, daripada sejumlah 34 pelaporan yang telah dicatatkan, *The Guardian* dalam talian mempunyai pelaporan paling tinggi antara kedua-dua buah akhbar dengan nilai berita negativiti iaitu sebanyak 26 pelaporan (35.1%) manakala *The Telegraph* dalam talian mempunyai sebanyak lapan pelaporan (10.8%). Walau bagaimanapun, bagi nilai berita kedekatan pula, akhbar *The Guardian* dalam talian dan *The Telegraph* dalam talian masing-masing mencatatkan sebanyak dua pelaporan yang merupakan nilai berita paling rendah dilaporkan untuk kedua-dua akhbar dalam talian ini.

**Jadual 4** Ringkasan Nilai Berita Dalam Pelaporan Isu *Doping*

<b>Jenis nilai berita</b>	<b><i>The Guardian</i> dalam talian (%)</b>	<b><i>The Telegraph</i> dalam talian (%)</b>	<b>Jumlah (%)</b>
<b>Kekinian</b>	4 (5.4)	5 (6.8)	9 (12.2)
<b>Orang kenamaan</b>	22 (29.7)	5 (6.8)	27 (36.5)
<b>Negativiti</b>	26 (35.1)	8 (10.8)	34 (45.9)
<b>Kedekatan</b>	2 (2.7)	2 (2.7)	4 (5.4)

Sumber: Kajian lapangan

#### UIJIAN HIPOTESIS KHI KUASA DUA

Ujian khi kuasa dua kebebasan digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Berdasarkan Jadual 5 yang tertera di bawah, untuk hipotesis pertama, hipotesis nul diterima dan hipotesis penyelidikan ditolak kerana nilai  $\chi^2 = 4.712$ ,  $df = 6$ ,  $>.05$ . Hal ini dengan jelas telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara tajuk berita berkaitan isu *doping* dalam kalangan atlet dan dua akhbar antarabangsa dalam talian yang terpilih. Di samping itu, bagi hipotesis yang kedua pula, hasil ujian khi kuasa dua kebebasan juga telah mendapati bahawa hipotesis nul diterima dan hipotesis penyelidikan ditolak kerana nilai  $\chi^2 = 13.262$ ,  $df = 7$ ,  $p >.05$ . Hal ini juga telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara tema

berkaitan isu *doping* dalam kalangan atlet dan dua akhbar antarabangsa dalam talian terpilih. Tambahan pula, bagi hasil ujian hipotesis ketiga juga telah menunjukkan bahawa hipotesis nul diterima dan hipotesis penyelidikan ditolak kerana nilai  $\chi^2 = 5.986$ , df = 3,  $>.05$ . Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan antara nilai berita berkaitan isu *doping* dalam kalangan atlet dan dua akhbar antarabangsa dalam talian terpilih.

**Jadual 5** Hasil Ujian Khi Kuasa Dua

Komponen	Nilai	df	Asymp. Sig (2-sided)
<b>H1: Tidak terdapat perhubungan antara tajuk berita tentang pelaporan isu <i>doping</i> dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.</b>	4.712	6	.581
<b>H2: Tidak terdapat perhubungan antara tema tentang pelaporan isu <i>doping</i> dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.</b>	13.262	7	.066
<b>H3: Tidak terdapat perhubungan antara nilai berita tentang pelaporan isu <i>doping</i> dalam kalangan atlet dan jenis akhbar dalam talian terpilih.</b>	5.986	3	.112

Sumber: Kajian lapangan

#### PERBINCANGAN

Dapatkan kajian ini secara keseluruhannya mendapati bahawa pelaporan isu *doping* sememangnya masih rendah berbanding isu-isu lainnya dalam akhbar antarabangsa. Malahan, isu-isu seperti doping hanya akan muncul dan banyak dilaporkan secara bermusim iaitu pada acara-acara sukan tertentu yang melibatkan atlet-atlet antarabangsa. Maka tidak hairanlah genre berita lebih banyak digunakan dalam pelaporan isu *doping*. Sewajarnya, rencana yang lebih panjang berkenaan isu *doping* perlulah lebih banyak diketengahkan dan tidak hanya semasa temasya sukan sahaja kerana ianya boleh menjadi medium pendidikan tentang sukan yang penting buat masyarakat dan komuniti sukan sedunia.

Selain itu, hasil kajian ini mendapati bahawa tajuk pelaporan isu *doping* yang paling tinggi digunakan dalam kedua-dua akhbar dalam talian terpilih ialah tajuk berbentuk hukuman. Hal ini kerana tumpuan kandungan isu *doping* itu sendiri lebih kepada atlet yang terlibat dalam isu *doping* akan dijatuhkan hukuman seperti digantung, didenda, dan dibatalkan penyertaan untuk sesuatu kejohanan sukan. Hal ini demikian kerana, penggunaan dadah atau ubat-ubatan secara berlebihan dan tidak mengikut prosedur yang betul merupakan suatu kesalahan yang sangat besar dalam arena sukan. Ianya selari dengan Teori Penentuan Agenda itu sendiri iaitu media antarabangsa menetapkan agenda tentang isu *doping* yang jelas ke arah kesalahan yang serius yang akan berakhir dengan hukuman yang tertentu.

Hasil kajian yang dilakukan ini juga mempunyai persamaan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Pappa (2013) yang mendapati akhbar seperti *The Mail* dalam pelaporannya turut menggunakan tajuk berbentuk hukuman seperti “*ban my drug cheat rival*”. Tajuk yang digunakan dalam pelaporan artikel tersebut ingin menerangkan bahawa atlet yang ditahan dan disabitkan kesalahan atas isu *doping* pada tahun 2003 dan perlu diberikan hukuman yang berat atau setimpal atas kesalahan yang telah dilakukan oleh mereka. Menurut kajian yang dilakukan oleh Pappa juga, atlet bukan sahaja perlu belajar untuk bertanggungjawab dan dikawal sendiri,

tetapi pada masa yang sama hukuman berat atlet yang dikenakan *doping* dianggap sebagai langkah yang diperlukan untuk kesihatan awam.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa tema yang paling tinggi digunakan dalam kedua-dua akhbar dalam talian *The Guardian* dan *The Telegraph* adalah tema hukuman. Ianya sejajar dengan tajuk artikel itu sendiri yang lebih banyak tertumpu kepada tajuk-tajuk berbentuk hukuman. Tema yang berbentuk hukuman sebegini lebih banyak digunakan berkemungkinan berkait rapat dengan isu *doping* itu sendiri yang merupakan satu kesalahan berat dalam sukan dan bersifat negatif. Walau bagaimanapun, media juga sewajarnya memberikan keseimbangan dalam pelaporan dan tidak hanya memberikan tumpuan kepada hukuman sekiranya isu *doping* ini berlaku sebaliknya boleh meningkatkan bilangan pelaporan ke arah yang lebih positif dan mendidik.

Nilai berita negativiti juga lebih banyak digunakan dalam pelaporan isu *doping* berbanding nilai-nilai berita lainnya kerana tema dan tajuk berita *doping* secara majoritinya adalah tertumpu kepada hukuman yang berbentuk negatif. Ianya sedikit berbeza dengan berita-berita lainnya khususnya dalam konteks pemberitaan di Malaysia yang mana-mana nilai-nilai berita seperti menarik, semasa dan kedekatan geografi menjadi keutamaan pemberitaan (Siti Suriani, Liana & Lee, 2013). Walau bagaimanapun, terdapat kajian lalu di Malaysia oleh Tan, Abdollahi-Guilani & Fatin Nazihah (2017) yang mengkaji nilai berita dalam pelaporan isu sukan di Malaysia turut mendapati sememangnya nilai berita negatif mendominasikan pelaporan sukan di negara ini.

## KESIMPULAN

Sukan merupakan medium yang dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira budaya, agama, dan bangsa. Setiap kali berlangsungnya kejohanan sukan yang bertaraf dunia seperti Sukan Olimpik, Piala Dunia FIFA, dan Sukan Komanwel, sudah pasti seluruh peminat sukan di dunia akan sama-sama berkumpul untuk menyaksikan kejohanan tersebut. Namun demikian, isu penyalahgunaan bahan terlarang atau *doping* dalam kalangan atlet sering menyelubungi landskap sukan dunia. Isu *doping* menyebabkan industri sukan dunia tercemar dengan pemaparan negatif yang dilaporkan oleh media terhadap mereka. Pada dasarnya, seseorang atlet tidak sewajarnya terlibat dengan *doping* kerana perkara ini akan memberikan kesan yang mendalam terhadap kerjaya mereka.

Secara kesimpulannya, pengkaji ingin mencadangkan agar kajian pada masa hadapan berkaitan isu *doping* dalam kalangan atlet dilakukan ke atas media tempatan dan diperluaskan kepada penelitian terhadap medium-medium lain seperti media sosial, radio dan televisyen. Dapatkan kajian tersebut dapat dibandingkan dengan dapatan kajian ini dan seterusnya menyumbang kepada korpus ilmu Komunikasi Sukan di Malaysia dan antarabangsa.

## RUJUKAN

- Alexander, D., Hallward, L., Duncan, L. R., & Caron, J. G. (2019). Is there still hope for clean sport? Exploring how the Russian doping scandal has impacted North American sport culture and identity using an ethnographic content analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(5), 618-635.
- Colmain, A. O. (2006). Drugs and doping in sport-guidelines for general practitioners. *The Irish Sports Council*, 3-40.
- Discover The Effectiveness of News Brand. (2019). Diakses dari <https://www.newsworks.org.uk/the-daily-telegraph>
- Discover The Effectiveness of News Brand. (2019). Diakses dari <https://www.newsworks.org.uk/the-guardian>
- Gheyle, N., & Jacobs, T. (2017). *Content analysis: A short overview*. Internal research note.

- Gibbs, C. K., & Warhover, T. (2002). Getting the whole story: Reporting and writing the news. *Guilford Communication Series. Guilford Press.* 1-208.
- Guo, Q. (2012). Perceptions of news value: A comparative research between China and the United States. *China Media Research*, 8(2), 26-35.
- Harian Metro. (2014). Penyalahgunaan dadah dalam sukan. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/node/7524>.
- Jones, S. C., Hall, D. & Cowlin, F. (2008). Newspaper coverage of drug policy: An analysis of pre-election reporting of the Greens' drug policy in Australia. *Drug and Alcohol Review*, 27(1), 5-11.
- Lee, J. H., & Choi, Y. J. (2009). News values of sports events: An application of a newsworthiness model on the World Cup coverage of US and Korean media. *Asian Journal of Communication*, 19(3), 302-318.
- Mohd Sobhi, I., Azahar, K., Awan, I., & Norsiah, A. H. (2018). Teori dalam penyelidikan media: Analisis tahun 2002 Hingga 2012. *e-Bangi*, 13(1), 1-20.
- Norhuda, S., & Dzuriza, I. (2015). Teori Penentuan Agenda dan pemilihan berita buruh kanak-kanak: Satu kajian rintis dalam akhbar terpilih di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas (Konvokesyen ke-17 UMS)*, 13-28.
- Orsini, M. M. (2015a). *Media narratives and drug prohibition: A content analysis of themes and strategies promoted in network news coverage, 2000-2013*. Theses, Dissertations and Capstones, 1-134.
- Orsini, M. M. (2017b). Frame analysis of drug narratives in network news coverage. *Contemporary drug problems*, 44(3), 189-211.
- Pappa, E. (2013). Sports spectacle, media and doping: The representations of Olympic drug cases in Athens 2004 and Beijing 2008. *Doctoral Dissertation, Brunel University School of Sport and Education Phd Theses*, 1-322.
- Papuzzi, A. (2010). *Professione giornalista: le tecniche, i media, le regole*. Donzelli Editor, 3-311.
- Rose, S., Spinks, N., & Canhoto, A. I. (2014). *Management research: Applying the principles*. Routledge, 1-388.
- Siti Suriani, O., Liana, M. N., & Lee, K. T. (2013). Pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 29(2), 51-68.
- Spalletta, M., & Ugolini, L. (2014). Sports journalism between doping allegations and doping evidence: The coverage of Lance Armstrong in Italian newspapers. *Catalan Journal of Communication & Cultural Studies*, 6(2), 221-238.
- Tan, K. H., Abdollahi-Guilani, M., & Fatin Nazihah, A. R. (2017). Negativity as criteria for newsworthiness in Malaysian newspaper sports corpus. *Jurnal Komunikasi*, 33(2), 105-119.
- Taiwo, R. (2007). Language, ideology and power relations in Nigerian newspaper headlines. *Nebula*, 4(1), 218-245.
- Tayade, M. C., Bhamare, S. M., Kamble, P., & Jadhav, K. (2013). Doping in sports: Current review. *Int J Cur Res Rev*, 5(7), 83-86.
- Taylor, S. (2008). Outside the outsiders: Media representations of drug use. *Probation Journal*, 55(4), 369-387.
- Tiger, R. (2013). Celebrity drug scandals, media double standards. *Contexts*, 12(4), 36-41.
- Wanta, W. (2012). Reflections on communication and sport: On reporting and journalists. *Communication & Sport*, 1(1/2), 76-87.